

Sebanyak empat Agensi Persekutuan masih belum mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2022 disebabkan gangguan rangkaian sistem kewangan dan kelewatan pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah.

Sebanyak 116 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion). Seterusnya, 14 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion), iaitu 13 Pendapat Berteguran dan satu Pendapat Bertentangan.

Agensi Persekutuan yang lemah dari segi penyediaan penyata kewangan juga diberi perhatian dalam LKAN kali ini terutama yang mendapat Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai bagi tempoh tiga tahun berturut-turut, iaitu dari tahun 2020 hingga 2022. Antara lain, agensi-agensi ini tidak mematuhi piawaian perakaunan, penyelenggaraan rekod kewangan yang lemah dan mempunyai masalah sistem kewangan.

5.2. Analisis Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

Daripada 130 penyata kewangan yang beraudit, perhatian khusus perlu diberi kepada prestasi kewangan Agensi Persekutuan bagi Lebihan atau Kurangan Semasa, Aset dan Liabiliti, Geran Kerajaan Persekutuan, Pinjaman serta Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari seperti berikut:

- a. 80 Agensi Persekutuan mencatatkan lebihan semasa berjumlah RM54.677 bilion dan 50 Agensi Persekutuan merekodkan kurangan semasa berjumlah RM4.570 bilion.
- b. 126 Agensi Persekutuan mempunyai jumlah aset lebih tinggi berbanding jumlah liabiliti manakala empat Agensi Persekutuan menunjukkan jumlah liabiliti yang lebih tinggi berbanding jumlah aset.
- c. 86 Agensi Persekutuan menerima geran mengurus dan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM27.034 bilion, manakala 83 Agensi Persekutuan mempunyai baki geran pembangunan terkumpul yang belum dilunaskan berjumlah RM25.535 bilion.
- d. 10 Agensi Persekutuan mempunyai baki pinjaman tertinggi berjumlah RM122.388 bilion. Sebanyak empat daripada 10 agensi tersebut mempunyai baki pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM5.338 bilion. Manakala tiga daripada empat Agensi Persekutuan tersebut telah menjadualkan semula tempoh bayaran balik pinjaman.